

04 AUG 2001

Mahathir-Utar

KEMASUKAN KE UTAR BERASASKAN KELAYAKAN, TIADA KUOTA KAUM

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Kemasukan pelajar ke Universiti Tunku Abdul Rahman (Utar) - universiti swasta yang dimiliki oleh MCA - perlu berasaskan kelayakan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Universiti itu memanglah terbuka kepada semua kaum tetapi semua kaum mesti mendapatkan kelayakan untuk masuk dalam Utar," katanya ketika diminta mengulas jaminan Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik bahawa semua kaum akan berpeluang untuk memasuki Utar bagi mendapatkan pendidikan.

Dr Mahathir berkata kaum lain tidak boleh menyalahkan MCA atau kaum Cina sekiranya mereka tidak layak untuk masuk ke Utar.

"Kalau mereka tidak layak atau kadang-kadang mereka tak ingin, jadi kita tak boleh salah MCA, tak boleh salah kaum Cina, mereka (MCA) buka universiti untuk semua kaum. Tak ada kuota," katanya pada sidang media selepas merasmikan Perhimpunan Agung Tahunan ke-48 MCA di ibu pejabat parti itu di sini.

Kementerian Pendidikan dalam surat tawarannya bertarikh 5 Julai lepas, menawarkan kepada MCA untuk menubuhkan sebuah universiti swasta dan universiti itu kemudiannya dinamakan sebagai Utar oleh MCA.

Ditanya sama ada terdapat cadangan untuk menjadikan Utar sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam, Dr Mahathir berkata sekiranya ada cadangan sedemikian, ia perlu dikaji dengan mendalam.

Dalam ucapan perasmianya sebelum itu, Dr Mahathir berkata kerajaan yang bersetuju dengan penubuhan Utar percaya universiti itu tidak akan diguna secara eksklusif untuk kaum Cina sahaja.

"Kaum-kaum lain juga boleh mendapat akses kepada universiti ini," katanya.

Sementara itu ketika diminta mengulas mengenai lapan lelaki termasuk dua pemimpin Pemuda PAS yang ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kerana dipercayai menganggotai kumpulan militan, Dr Mahathir berkata: "Kita tak tahu apa parti tetapi kita tahu ada anggota PAS yang telah pergi berlatih di luar negara, terlibat dengan puak Taliban (kumpulan di Afghanistan) dan telah memikul senjata di negara asing.

"Sekarang ini mereka sudah balik...tetapi apabila kita dapati mereka ada niat untuk mencetuskan dan mengadakan tindakan ganas termasuk membunuh, merompak bank, meletupkan bom, ini kita tak boleh benar dalam negara kita, sebab itu mereka dimasukkan dalam tahanan," katanya.

Dr Mahathir berkata ada anggota dalam parti PAS yang ingin bergerak mengikut undang-undang negara dan mengikut proses-proses demokrasi tetapi terdapat juga di kalangan anggota parti pembangkang itu yang bertindak agak ekstrim.

"Ada yang berpendapat bahawa proses demokrasi agak lambat atau tidak mungkin menjayakan mereka, dengan itu mereka lebih senang dengan cara-cara ganas untuk menggulingkan kerajaan, untuk melakukan pembunuhan dan sebagainya," katanya.

Semalam, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai berkata lapan lelaki yang ditahan di bawah ISA itu dipercayai terbabit dalam kegiatan militan dalam sebuah kumpulan yang dikenali sebagai Mujahidin Malaysia.

Mengenai cadangan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (Suhakam) supaya membenarkan perhimpunan secara aman, Dr Mahathir berkata: "Suhakam nampaknya mahu mengadakan standard tersendiri, mereka tidak berminat dengan keselamatan negara."

Beliau berkata Suhakam bebas menyuarakan pandangan dan cadangan mereka tetapi kerajaan harus mengutamakan kepentingan majoriti masyarakat.

"Suhakam hanya satu kumpulan, kepentingan majoriti rakyat perlu diambil kira. Kita berpendapat di negara ini terdapat lebih banyak kebebasan berbanding banyak negara lain termasuk di negara maju," katanya.

Suhakam semalam mengeluarkan laporan mencadangkan supaya peraturan dan undang-undang berhubung dengan perhimpunan awam dipinda bagi mengurangkan sekatan.

-- BERNAMA
ZAI KHY MOZ